

SIARAN MEDIA

REKA BENTUK SEMULA BAGI STESEN AMPANG PARK UNTUK ELAKKAN ROBOHAN

Persetujuan Bersama diperlukan daripada 100% pemilik unit strata

Kuala Lumpur, 5 November 2015: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin menjelaskan fakta-fakta mengenai isu Ampang Park yang telah menarik perhatian pelbagai pihak sejak kebelakangan ini.

Berikutan pertemuan di antara MRT Corp dengan pemilik unit strata Pusat Membeli-belah Ampang Park dan Perbadanan Pengurusan Ampang Park telah diadakan pada 15 Oktober dan 27 Oktober 2015, MRT Corp telah mengambil kira isu yang dibangkitkan dan mengkaji sama ada terdapat pilihan alternatif yang ada untuk Stesen MRT Ampang Park.

Antara faktor-faktor yang dipertimbangkan untuk sebarang pilihan alternatif termasuk sama ada terdapat kemungkinan bahawa Pusat Membeli-belah Ampang Park tidak perlu dirobohkan. Pada masa yang sama, dalam mempertimbangkan pilihan alternatif, MRT Corp perlu memastikan penumpang masih dapat bertukar antara Stesen MRT dan LRT Ampang Park dengan mudah dan lancar.

Pada hari Selasa 3 November 2015, MRT Corp telah mengadakan sesi pertemuan yang berikutnya bersama pemilik unit strata dan perbadanan pengurusan Ampang Park. MRT Corp telah menyampaikan pilihan reka bentuk semula kepada mereka yang hadir.

Antara ciri-ciri pilihan yang direka bentuk semula termasuk:

- Stesen MRT Ampang Park yang akan datang akan beralih sedikit dari lokasi Pusat Membeli-belah Ampang
- Sebuah penghubung pejalan kaki bawah tanah antara Stesen MRT Ampang Park yang akan datang dan Stesen LRT Ampang Park yang sedia ada perlu dibina, dan terowong untuk tren MRT perlu dibina di bawah Pusat Membeli-belah Ampang Park
- Kerja-kerja pengukuhan juga perlu dijalankan untuk mengubah suai struktur asas Pusat Membeli-belah Ampang Park, yang dipanggil "underpinning" atau kerja sokongan bawah tanah, untuk mengukuhkan asas Pusat Membeli-belah Ampang



Park untuk membolehkan kerja pembinaan yang selamat bagi laluan bawah tanah.

- Sebahagian daripada kawasan parkir bawah tanah dan sebahagian daripada tingkat aras bawah Pusat Membeli-belah Ampang Park diperlukan buat sementara waktu untuk kerja-kerja pembinaan. Kawasan parkir bawah tanah yang terjejas akan diperlukan sehingga 36 bulan, manakala kawasan tingkat aras bawah yang terjejas akan diperlukan sehingga 18 bulan.
- Perniagaan yang beroperasi di kawasan yang terjejas perlu ditutup untuk tempoh pembinaan dan pampasan yang sewajarnya akan dibayar. Bagi lot kedai lain yang tidak terjejas oleh kerja pembinaan, mereka boleh beroperasi seperti biasa.
- Dengan pilihan reka bentuk semula, pengguna tren MRT dan LRT perlu berjalan lebih jauh berbanding dengan reka bentuk asal apabila bertukar antara Stesen MRT Ampang Park dan Stesen LRT Ampang Park. Penghubung sambungan kawasan berbayar MRT dan kawasan berbayar LRT akan dikekalkan.

Perbandingan reka bentuk asal dan reka bentuk semula telah diringkaskan dalam jadual yang dilampirkan.

MRT Corp juga menjelaskan bahawa walaupun dengan pilihan reka bentuk semula, perjanjian bersama masih perlu dirangka dan dicapai antara MRT Corp dan pemilik unit strata. Ini adalah untuk memenuhi keperluan undang-undang dalam memastikan laluan pejalan kaki bawah tanah dan terowong tren MRT dapat wujud bersama Pusat Membeli-belah Ampang Park.

Persetujuan daripada 100% pemilik unit strata adalah diperlukan untuk Perjanjian Bersama dilaksanakan. Ini adalah untuk membolehkan tanah di bawah Pusat Membeli-belah Ampang Park, yang merupakan harta bersama yang dimiliki oleh semua pemilik unit strata, diserahkan kepada Kerajaan supaya laluan pejalan kaki bawah tanah dan terowong MRT boleh dibina.

MRT Corp menasihatkan para pemilik untuk membentuk sebuah jawatankuasa dan menerusi jawatankuasa tersebut melantik peguam untuk berunding bagi semua pihak pemilik unit strata.

MRT Corp menekankan bahawa persetujuan bersama perlu dimuktamadkan dan ditandatangani pada 31 Januari 2016, untuk membolehkan reka bentuk semula ini dipilih, seterusnya dapat mengelakkan Pusat Membeli-belah Ampang Park daripada dirobohkan.



Stesen MRT Ampang Park adalah stesen yang penting bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya kerana ia adalah satu-satunya stesen di mana pengguna boleh bertukar stesen di antara MRT dan LRT Laluan Kelana Jaya dengan mudah dan lancar.

-tamat/-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my

PERBANDINGAN ANTARA REKA BENTUK ASAL DAN REKA BENTUK SEMULA UNTUK STESEN MRT AMPANG PARK

	REKA BENTUK ASAL	REKA BENTUK SEMULA
Konsep stesen	Integrasi penuh bersama Stesen LRT Ampang Park	Stesen MRT tidak diintegrasikan bersama Stesen LRT, hanya disambungkan melalui laluan pejalan kaki bawah tanah
Lokasi stesen	Dalam kawasan Pusat Membeli-belah Ampang Park	Di luar kawasan Pusat Membeli-belah Ampang Park
Jarak perjalanan untuk pengguna bertukar stesen	Lebih kurang 130m	Lebih kurang 220m
Tanah yang diperlukan untuk	• Pembinaan stesen MRT • Ruang legar bersama bagi stesen LRT dan MRT • Terowong MRT	• Pembinaan laluan pejalan kaki bawah tanah untuk menghubungkan stesen MRT dan LRT • Terowong MRT
Perobohan penuh Pusat Membeli-belah Ampang Park	Ya, untuk membolehkan pembinaan Stesen MRT dan ruang legar bersama	Tidak, hanya penambahan setempat dan kerja pengubahsuaian bagi membolehkan pembinaan laluan pejalan kaki bawah tanah dan kerja sokongan bawah tanah
Lot yang terjejas	Kesemua lot oleh kerana perobohan penuh	Hanya lot yang terletak di kawasan tertentu di parkir bawah tanah dan tingkat bawah yang akan terjejas
Tempoh masa yang diambil jika Persetujuan Bersama dicapai Tempoh terjejas jika pilihan persetujuan bersama dianggap	84 bulan (7 tahun)	Sehingga 36 bulan (3 tahun)
Tahap persetujuan daripada pemilik unit strata yang diperlukan	100%	100%



untuk mencapai Persetujuan Bersama		
---------------------------------------	--	--